

Kerajaan BN Miliki Visi Yang Boleh Dipercayai Untuk Malaysia - Najib Bernama
30 April, 2013

KEPALA BATAS, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata hanya kerajaan Barisan Nasional (BN) mempunyai visi yang boleh dipercayai dalam membela rakyat serta memastikan Malaysia mencapai status negara maju pada masa hadapan.

Perdana Menteri berkata, ini kerana kerajaan BN mempunyai kemampuan, persefahaman, rekod prestasi dan iltizam politik dalam melaksanakan perkara-perkara itu.

"Pilihan raya umum ke-13 bukan soal parti, orang, tetapi kita hendak tentukan visi yang boleh dipercayai. BN ada visi yang boleh dipercayai itu untuk negara kita...bukan sahaja visi tetapi mampu melaksanakannya," kata perdana menteri.

Beliau berkata demikian pada majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Tok Labu, Penaga dekat sini Selasa.

Turut hadir ialah bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi yang juga penyandang kerusi parlimen Kepala Batas, Pengerusi BN Pulau Pinang, Teng Chang Yeow dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Datuk Zainal Abidin Osman.

Najib berkata bagi memastikan visi berkenaan tercapai, adalah penting bagi kerajaan BN mendapat mandat yang kukuh, sekali gus dapat membentuk sebuah kerajaan yang kuat. Dalam pada itu, perdana menteri berkata berdasarkan sokongan dan penerimaan rakyat Pulau Pinang terhadap BN sekarang, tidak mustahil bagi parti gabungan itu menawan kembali Pulau Pinang pada pilihan raya umum ke-13, Ahad ini.

"(Sebelum ini) ada orang kata, kita (BN) tidak mungkin menang di Pulau Pinang. (Tetapi) kini sudah ada semangat baharu. Semangat yang lebih bersungguh-sungguh sebab kita sudah rasa penerimaan dan angin perubahan di Pulau Pinang.

"Ini kerana, orang Pulau Pinang sudah sedar bahawa kerajaan negeri indah khabar daripada rupa," katanya.

Najib turut mempersoal kerajaan Pulau Pinang pimpinan DAP yang tidak prihatin kepada nasib rakyat negeri ini, termasuk dalam soal menyediakan rumah mampu milik kepada mereka.

Perdana menteri berkata pembangunan yang hendak dilaksanakan bukan sekadar melibatkan projek-projek besar, syarikat besar dan 'orang besar' tetapi yang lebih penting keperluan rakyat didahulukan.

Najib juga mempersoal tindakan kerajaan Pulau Pinang yang antaranya, mengutamakan pembinaan terowong dasar laut sedangkan apa yang diperlukan rakyat negeri itu ialah rumah mampu milik.

"Saya nak nyatakan kalau kerajaan pakatan rakyat (Pulau Pinang) tidak boleh buat, bagi peluang kepada kerajaan Barisan Nasional buat. Kita akan bina 20,000 rumah mampu milik (di Pulau Pinang) jika BN menang (mendapat mandat memerintah Pulau Pinang).

"Jadi tidak payahlah kerajaan negeri nak uar-uarkan bahawa mereka juara kepada rakyat

(membela nasib rakyat). Setelah lima tahun, rakyat boleh buat penilaian," katanya.

Beliau berkata jika rakyat memilih dan memberi mandat kepada BN mentadbir Pulau Pinang, kerajaan BN akan membuat yang terbaik kepada rakyat negeri ini.

Perdana menteri berkata berdasarkan sambutan dan sokongan yang ditunjukkan rakyat di kawasan parlimen Kepala Batas, beliau yakin kawasan berkenaan merupakan kubu terkuat BN di Pulau Pinang.

Najib berkata dalam apa jua keadaan, kerusi parlimen itu yang sebelum ini disandang bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi tidak boleh terlepas kepada pembangkang pada pilihan raya kali ini.

"Kalau dilihat kepada sambutan hari ini, sah Kepala Batas kubu terkuat Barisan Nasional di Pulau Pinang. Jangan hampakan Pak Lah...budi dan jasa beliau, kita mesti menang (di Kepala Batas).

"Tolong juga bagi mandat dan sokongan padu kepada calon-calon BN (di kawasan parlimen Kepala Batas dan kerusi dewan undangan negeri kawasan berkenaan)," katanya.

Pada pilihan raya umum kali ini, Abdullah tidak mempertahankan kerusi parlimen Kepala Batas dan BN meletakkan Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican sebagai calon yang akan berdepan calon PAS, Afnan Hamimi Taib Azamuddin.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946462>